

Permudahkan pinjaman, kurangkan birokras

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab menjelaskan tiga

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

langkah peluang bagi usahawan negara ini untuk menceburkan diri dalam keusahawanan iaitu adanya perubahan minda, kemuda-

han dalam latihan dan pinjaman serta mengurangkan birokrasi.

Menurutnya, perubahan minda adalah diperlukan tidak seperti kehadiran satu peratus sahaja ahli belia dalam kongres menunjukkan kegagalan tenaga belia kitani pada masa ini. Kegagalan ini boleh jadi bersangkut-paut juga dengan bukan saja 'willingness' untuk membuka peluang perkerjaan tapi juga berkaitan dengan rasa belia itu sendiri.

"Jangan tanya apa negara buat untuk kamu tapi tanyalah apa kamu buat untuk negara," seperti falsafah salah seorang pemimpin dunia ini garis panduan yang perlu diberikan kepada para belia untuk memperbaiki diri

sendiri, situasi sekeliling kemudian barulah dapat memberi sumbangan kepada negara. Janganlah tunggu orang lain membawa barulah kita berjalan," tegas Dato Paduka lagi.

Bila meninjau aspek latihan keusahawanan ini jelas Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, terdapat 165 buah syarikat koperasi yang didaftarkan di negara ini hanya 30 peratus yang aktif, yang lain umpama 'hidup segan mati tak mahu'. Selain dari itu sebilangan syarikat koperasi diketuai oleh golongan warga emas. Kerana itu pentingnya orang pemegang saham itu sendiri mesti mengajar anak muda untuk mengetuai koperasi.

Dalam hubungan ini kementeriannya menjalankan kursus keusahawanan di Pusat Latihan Keusaha-

wanan di Sinaut yang bermula pada 1994 - 1998, yang terdapat 400 orang penuntut menghadiri program tersebut. Dalam tahun 2003, kementerian tersebut menghidupkan kembali untuk program penciptaan keusahawanan terdapat 493 orang penuntut dari 22 buah sekolah menengah yang melibatkan diri. Adalah diharapkan para belia akan mendapat peluang supaya kementerian dapat membaui bidang keusahawanan ini.

Dato Paduka menambah, kementeriannya akan me'review' dalam mempermudahkan urusan usahawan seperti mengurangkan keperluan minan (collateral) dan birokrasi (red-tape) bagi mengatasi kelambanan proses-proses permohonan dan lain-lain yang berkaitan melalui agensi satu penghentian (one stop agency).



PARA belia dari pelbagai lapisan hadir di Majlis Pembukaan Rasmi Kongres Belia Kebangsaan 2008. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Kongres Belia Kebangsaan 2008 satu kebangkitan baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata "Kongres Belia Kebangsaan 2008 adalah satu kebangkitan baru bagi belia-belia seperti yang digambarkan oleh Yang terhormat melalui serangkap pantun, Kongres Kebangsaan Belia Brunei, Mencetus Cita Membangun Bangsa. Resolusi bernas dan permai, kamulah tuggak Brunei per-kasa."

Yang Berhormat melahirkan perkara demikian ketika mendengar maklum balas mengenai resolusi yang dibentangkan oleh wakil peserta dengan begitu bernas ke arah memperkasa belia yang mantap dari sekarang yang menghimbau kembali bagaimana Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membina kepimpinan yang mantap? Ia bermula daripada isterinya. Sahabatnya yang karib, anak angkatnya Zaid dan anak kemanakannya, Sayidina Ali kemudian sahabat-sahabat Baginda selalu berkumpul dengan Baginda di satu tempat di Darul Arqam, sebelah Saffa. Selama 13 tahun Rasul di Mekah membentuk sahsiah keimanan jadi bagus resolusi ini, untuk membentuk kefahaman dan kepercayaan mengenai ideologi negara Melayu Islam Beraja.

Salah satu memantapkan kepimpinan memperkasa belia yang mantap jelas Yang Berhormat ialah iman yang membentuk sahsiah. Sekrang belia Brunei ikut kapal belia yang dibuat oleh Jepun dengan menyediakan tempat sembahyang mereka menghormati. Mana yang haram mana yang halal, jaga makanan, kesannya pada diri sendiri kepada keturunan bukan main-main masalah keimanan dan sahsiah ini mahu dimantapkan dengan ideologi dan konsep negara. Bangga katani orang

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Brunei, kedua ialah tahan lasak dalam mempertahankan keimanan keperibadian.

Yang Berhormat juga menghimbau ingatannya kembali kepada 43 tahun yang lalu, pada tahun 1965, di mana pengalamannya yang aktif dalam belia mengadakan Kongres Belia di Sekolah Menengah Anthony Abell di Seria, yang kongres itu mencetuskan satu slogan yang masih relevan hingga sekarang 'angkatan sedar mewakili zaman', seperti yang digambarkan dalam bukunya 'damai dalam sentuhan' diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Hampir setengah abad jelasnya rumusan-rumusan dalam kongres itu tidak hebat yang saya dengar pada pagi ini. Saya lebih percaya bahawa rumusan ini akan dipraktikkan lebih hebat lagi apa yang dicetuskan oleh rumusan dan pelaksanaan Kongres '65 ini. Sejarah, sebelum Kongres '65, ASTERAWANI mengadakan kongres di padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam ASTERAWANI sampai sekarang masih utuh, sebuah badan belia yang mengenalkan Brunei khasnya di rantau ini serta global mengenai sastera dan bidang kebudayaan, kemudian terbentuk Majlis Belia Brunei (MBB) adalah suatu perubahan nama kepada nama Persatuan Pemuda Pemuda Brunei. Baik zaman itu lagi dan MBB hampir setengah abad bergiat menyertai persidangan yang dianjurkan Pertubuhan Belia Sedunia dan Pertubuhan Islam Sedunia. Selain itu, gerakan di dalam negeri, yang berpersatuan di bawah MBB adalah kesedaran bangsa dan negara melalui pelbagai aktiviti yang nampak oleh belia dan masyarakat. Hampir 15 tahun, perkembangannya menurun. Itu adalah undang-undang alam. Sekarang kongres ini, satu

kebangkitan baru bagi belia-belia," tegas Yang Berhormat.

Salah satu kegiatan yang dicetuskan oleh Kongres '65 tambah Yang Berhormat ialah berdirinya koperasi belia yang hampir di seluruh kampung dan mukim yang ada persatuan-persatuan ini tapi yang kekal hanya beberapa tempat sahaja iaitu Penanjong, Keriam, Tanjung Maya, Tiba dan Lumapas. Yang lain-lain entah hilang ke mana, salah satu sebabnya ialah pengurusan, tidak semua yang dirancang berjaya. Tapi sudah ada usaha, yang tidak ada usaha tidak salah tapi orang berusaha ada salah tapi diperbetulkan kesalahan tersebut.

Permuda

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mac. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab menjelaskan tiga



PARA belia dari pelbagai lapis Rasmi Kongres Belia Kebangsaan Mahmud Ampuan Haji Tengah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad berucap ketika merasmikan Kongres Belia Kebangsaan 2008. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 April. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menegaskan penglibatan belia dalam persatuan belia di negara ini masih di tahap rendah.

Yang Berhormat menjelaskan, dianggarkan hanya sekitar 20 ribu orang belia saja yang terlibat secara berterusan dengan kegiatan belia dalam persatuan-persatuan dan kelab-kelab.

Menurut Yang Berhormat, data Jabatan Belia dan Sukan menunjukkan sebanyak 81 buah persatuan belia di seluruh negara masih berdaftar iaitu 14 buah Persatuan Kebangsaan, 22 di Daerah Brunei dan Muara, 22 di Daerah Tutong, 14 di Daerah Belait dan hanya sembilan buah di Daerah Temburong.

Tambah Yang Berhormat, dari jumlah tersebut sebanyak 62 buah persatuan atau 77 peratus sahaja boleh dikategorikan sebagai persatuan yang masih bergiat aktif.

Kongres Belia Kebangsaan
2008 satu
kebangkitan baru

2008 ... Kongres Belia Kebangsaan 2008 ...

Penglibatan belia dalam persatuan di tahap rendah

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

"Jika tidak mengambil sebarang langkah yang konstruktif bagi mengatasi masalah ini, dikhuatiri jumlah tersebut akan terus menurun dan kita sudah tentunya akan kehilangan salah satu lagi rakan kongsi dalam pembangunan belia negara," jelas Yang Berhormat.

Beliau melahirkan kebimbangan itu ketika berucap merasmikan Kongres Belia Kebangsaan 2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kata Yang Berhormat, perubahan sosialisasi dan persekitaran, proses urbanisasi dan kesibukan dalam meningkatkan taraf pendidikan dan ekonomi masing-masing adalah antara faktor penyebab kurangnya minat golongan belia melibatkan diri dalam mana-mana pergerakan belia.

"Statistik Jabatan Buruh menyatakan bahawa hingga bulan Disember 2007 lalu seramai 4,645 orang belia berusia antara 18 hingga 30 tahun telah mendaftar di jabatan berkenaan bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditawarkan," menurut Yang Berhormat.

Isu pengangguran, tegas Yang Berhormat jika tidak ditangani akan mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada negara kerana kita tidak dapat memanfaatkan belia atau 'anak-anak tempatan' untuk terlibat sama dalam proses kemajuan dan pembangunan negara.

Di negara ini kata Yang Berhormat, bilangan belia terdiri dari 47 peratus jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam dan dalam era yang penuh persaingan ini golongan tersebut harus berani untuk menceburi bidang-bidang lain seperti keusahawanan sebagai alternatif.

Penubuhan Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB) Berhad yang beroperasi pada April 2004 lalu dengan menjalankan perniagaan masakan dan katering dan kantin KOPPB yang menyediakan peluang pekerjaan kepada 21 orang belia adalah bukti keupayaan golongan itu untuk sama-sama terlibat," ujar Yang Berhormat.

Kongres tiga hari bertemakan 'Memperkasa Belia: Suara Kami, Masa Depan Kami' yang disertai kira-kira 300 orang peserta sempena sambutan Hari Belia Kebangsaan itu bertujuan untuk memberikan peluang kepada belia menyuarakan pendapat atau pandangan berkaitan dengan pembangunan belia, bangsa dan negara.

Ia juga dihasratkan dapat memperkukuhkan pandangan bahawa belia adalah komponen penting dalam usaha pembangunan negara yang juga merupakan rakan kongsi yang dinamik untuk 'survival' bangsa dan negara di masa akan datang.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kongres Belia Kebangsaan dalam ucapan alu-aluan antara lain mengatakan beberapa isu akan dibincangkan antaranya belia dan kepimpinan, belia dan masyarakat, pekerjaan dan latihan, peranan badan bukan kerajaan dalam pembangunan belia dan negara serta peluang keusahawanan di kalangan belia.

Jelasnya, isu-isu yang dibangkitkan dalam kongres memangnya berkaitan dengan belia kerana golongan belia merupakan kumpulan yang tepat untuk membincangkan mengenai isu-isu tersebut.

Seramai 10 pemudah cara terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan diundang sama bagi membentangkan kelainan kerja masing-masing sepanjang kongres itu berjalan di samping sesi bersama Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Congress proposes 'Youth Parliament'

By Za'im Zaini



Minister of Culture, Youth and Sports (second right), flanked by Home Affairs Minister, Deputy Minister at the PM's Office and Deputy Minister of Industry and Primary Resources, speaks during the dialogue at the National Youth Congress.



Some of the participants attending the event. - PHOTOS: JASON LEONG

The 1st National Youth Congress ended on a high note yesterday with the presentation of the congress' resolutions during a dialogue with several ministers at the International Convention Centre.

The top government officials present were Culture, Youth and Sports Minister Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major General (Rtd) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Hj Daud as the host minister; Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Mohd Zain, Minister of Religious Affairs; Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan, Minister of Home Affairs; Dato Seri Paduka Haji Eusoff Agaki, Deputy Minister at the Prime Minister's Office; Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Awang Hj Dani, Deputy Minister of Home Affairs; and Deputy Minister of Industry and Primary Resources, Dato Paduka Awang Hj Hamdillah.

The resolutions were made after three days of discussions on five core topics - Youth and Leadership; Youth and Society; Training and Employment; Role of NGOs in Youth and Nation's Development; and Entrepreneur Opportunities among Youths.

Presenting the resolutions on the topic Youth and Leadership was Ak Kamal Ghadafi bin Pg Hj Suhaimi that called for the establishment of a "youth parliament" to appoint youth representatives in the Legislative Council in order to give an opportunity to youths to give their ideas and "enhance" themselves.

The Youth and Leadership resolutions also called for the appointment of youths to represent Brunei at international organisations; a special allocation for youth development programmes; and the enhancement of the role of the government and NGOs in enhancing youth leadership.

The resolutions also called for a school or faculty for social workers at

higher learning institutions to handle student-related issues such as their welfare.

Meanwhile, Md Fahmi Bin Hj Abas presented the resolutions on Youth and Society which acknowledged that youth involvement in social ills is on the rise and that the participation of youths in community work is still low.

Thus, they called for action plans that include the review of the youth national policy; teaching youths living skills in order to become independent; establishing a youth social centre; and a review of projects such as "Belia Cinta Tanah Air".

The resolutions on Training and Employment of Youths, read out by Haji Zupri Bin Hj Kamis, noted the need for the introduction for an education system/curriculum to "mould" youths to be more innovative, entrepreneurial and creative.

The resolutions also called for new courses to meet the needs of industrial diversification; introduction of a national service, establishment of a music and theatre centre; and setting up of a centre for youths who have graduated from higher learning institutions.

Among the action plans proposed by the resolutions are to establish a body to assist youths interested to work overseas; and a review of the policy on employment of the local workforce and in the public service.

The resolutions on the Role of NGOs in Youth and Nation's Development, read out by Dyg Meela Adreeyana Binti Hj Aliuddin, called for NGOs to raise "understanding" in society through roadshows, web sites and the mass media.

The Entrepreneurial Opportunities among Youths in Brunei's resolutions, read out by Iswandy Bin Ahmad, touched on the need for a mindset change; reduction in red tape; giving young entrepreneurs priority in tenders; and for the public and private sector, including the mass media, to market local products.

The resolutions also called for an update of formal and informal education to encourage independence and life skills, especially in entrepreneurship; establishment of a youth entrepreneur centre; implementation of roadshows in Mukims and villages to instil interest among youths in entrepreneurship; and setting up of an entrepreneur school.

Lima resolusi untuk pembangunan belia

Oleh Hasrulraizan



(DARI KIRI) Meela Adreeyana, Haji Zupri, Md Fahmi, Awangku Kamal Ghadafi dan Iswandy (berdiri) ketika menyampaikan resolusi kumpulannya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis - Belia dan Kepimpinan, Belia dan Masyarakat, Pekerjaan dan Latihan, Peranan Agensi Bukan Kerajaan Dalam Pembangunan Belia dan Negara serta Peluang Keusahawanan Di Kalangan Belia adalah lima tajuk resolusi yang dibentangkan perwakilan belia pada hari terakhir Kongres Belia Kebangsaan hari ini.

Awangku Kamal Ghadafi Pengiran Haji Suhaimi menyampaikan lima resolusi mengenai Belia dan Kepimpinan yang antaranya ialah bagi mewujudkan parlimen belia untuk melantik wakil belia dalam Majlis Mesyuarat Negara.

Perwakilan belia itu bagi memberi peluang kepada golongan belia memberikan buah fikiran di samping untuk melantik perwakilan ke pertubuhan antarabangsa sebagaimana Program Belia Komanwel.

Kumpulannya juga mencadangkan supaya diwujudkan perkhidmatan kerja sosial di institusi pengajian untuk menangani isu dan kebajikan pelajar serta membantu golongan belia yang mempunyai masalah untuk mendapatkan perhatian lebih meluas.

Tiga resolusi lain adalah peruntukan khas untuk pembangunan belia, meningkatkan lagi peranan pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk memantapkan kepimpinan belia, dan menjadikan 'petugas belia' dalam persatuan sebagai satu profesion.

Sementara Md Fahmi Haji Adas dalam pembentangnya mengenai Belia dan Masyarakat menghuraikan enam permasalahan iaitu kadar pembabitan belia dalam gejala sosial yang semakin meningkat, pendedahan belia dengan persekitaran masyarakat tidak dipraktikkan secara berkesan, sistem pengurusan maklumat yang masih kurang mantap, pembabitan belia dalam kerja kemasyarakatan kurang memberangsangkan dan belia menjadi mangsa gejala masyarakat.

Kumpulannya mengesyorkan tindakan memperkasakan polisi dan pengisian bina insan seperti pengendalian setiap aktiviti belia harus seiring dengan falsafah negara.

Ini termasuk mengasingkan lelaki dan perempuan dalam aktiviti mengikut kesesuaian, penyebaran maklumat seperti memanfaatkan semua bentuk media massa dan pengiktirafan dengan memberikan anugerah khas kepada belia cemerlang dalam pelbagai bidang kerjaya dan kegiatan.

Manakala Haji Zupri Haji Kamis yang menyampaikan resolusi mengenai Pekerjaan dan Latihan Belia menyenaraikan lima pelan tindakan bagi latihan termasuk memperkenalkan sistem Perkhidmatan Kebangsaan bagi melatih dan mendedahkan belia kepada kepentingan keselamatan negara serta meningkatkan semangat juang dan jati diri.

Selain itu satu lagi pelan tindakan bagi latihan yang beliau sampaikan ialah bagi menubuhkan pusat seni muzik dan teater yang menyediakan pendidikan asas hingga peringkat lanjutan bagi melahirkan golongan seni negara serta menubuhkan orkestra kebangsaan.

Haji Zupri juga menyenaraikan lima pelan tindakan bagi pekerjaan iaitu penubuhan badan untuk menyalurkan dan memantau belia yang berhasrat untuk bekerja di luar negara dan badan pemantauan bagi menjuruskan kebolehan dan kepakaran belia kepada pekerjaan yang bersesuaian selain perlunya penelitian semula dasar pengambilan pekerja tempatan dan perkhidmatan awam.

Ketika menyampaikan resolusi mengenai Peranan Agensi Bukan Kerajaan Dalam Pembangunan Belia dan Negara, Meela Adreeyana Haji Aliuddin menyenaraikan tujuh perkara termasuk mengesyorkan supaya slogan Membangun Negara Bersama Islam menjadi landasan pembangunan dan juga keperluan mempromosi dan mengembangkan peranan agensi bukan kerajaan melalui jerayawara, laman web atau slot dalam media massa seperti surat khabar bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenainya.

Sementara **Iswandy Ahmad** pula menggariskan 13 rumusan bagi tajuk Peluang Keusahawanan Di Kalangan Belia yang antaranya perubahan minda daripada semua pihak dalam mengembangkan keusahawanan di kalangan belia, merealisasikan penubuhan Yayasan Belia.

Beliau juga mencadangkan perlunya mempermudah urusan keusahawanan seperti mengurangkan keperluan jaminan dalam memberikan pinjaman dan mengurangkan kerenah birokrasi (red-tape) bagi mengatasi kelambatan proses permohonan melalui agensi satu perhentian.

Dalam resolusinya itu kumpulannya juga mencadangkan supaya diwujudkan Sekolah Keusahawanan di peringkat awal pendidikan iaitu di peringkat menengah bawah dengan mencontohi sekolah sukan, sekolah persediaan Arab dan pusat latihan tentera.

Majlis penutup Kongres Belia Kebangsaan 2008

Oleh Hasrulraizan



(DARI KANAN) Pehin Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Zain, Pehin Dato Seri Setia Haji Adnan, Pehin Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, Dato Seri Paduka Haji Mohd Eusoff Agaki, Dato Paduka Haji Hamdillah dan Pehin Dato Paduka Haji Dani.



(DARI KANAN) Awangku Kamal Ghadafi, Md Fahmi, Haji Zupri, Meela Adreeyana dan Iswandy.



Di kalangan pegawai Jabatan Belia dan Sukan yang hadir di hari terakhir Kongres Belia Kebangsaan 2008.



Pasukan gulingtangan yang telah menyerikan lagi majlis berkenaan.





Di antara pelajar yang turut hadir mendengarkan penyampaian resolusi kongres dan sesi dialog berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis - Kongres Belia Kebangsaan 2008 dengan tema "Memperkasa Belia: Suara Kami, Masa Depan Kami" yang bermula 1 April lalu berakhir hari ini dengan penyampaian resolusi kongres oleh lima orang wakil belia.

Lima resolusi berkenaan menyentuh mengenai lima tajuk yang telah dibincangkan oleh lima kumpulan belia berasingan sepanjang kongres tiga hari itu iaitu "Belia dan Kepimpinan", "Belia dan Masyarakat", "Pekerjaan dan Latihan", "Peranan Agensi Bukan Kerajaan (NGO's) Dalam Pembangunan Belia dan Negara" dan "Peluang Keusahawanan Di Kalangan Belia".

"Belia dan Kepimpinan" disampaikan oleh Awangku Kamal Ghadafi Pengiran Haji Suhaimi, "Belia dan Masyarakat" dibentangkan oleh Md Fahmi Haji Adas, "Pekerjaan dan Latihan" oleh Haji Zupri Haji Kamis, "Peranan Agensi Bukan Kerajaan (NGO's) Dalam Pembangunan Belia dan Negara" pula oleh Meela Adreeyana Haji Aliuddin dan "Peluang Keusahawanan Di Kalangan Belia" disampaikan oleh Iswandy Ahmad.

Tiga orang menteri kabinet dan tiga orang timbalan menteri telah hadir bagi menyertai sesi dialog bersama dengan wakil-wakil belia berkenaan dengan setiap seorang daripada mereka mengutarakan pandangan, berkongsi pengalaman serta memberikan respons yang berkaitan dengan lima resolusi yang dibentangkan itu.

Para menteri berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Pehin Dato Seri Utama Dr Haji Mohd Zain Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pehin Dato Seri Setia Haji Adanan Haji Mohd Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pehin Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Haji Daud.

Tiga orang timbalan menteri itu pula ialah Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dato Seri Paduka Haji Mohd Eusoff Agaki Haji Ismail, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Hamdillah Haji Abdul Wahab dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pehin Dato Paduka Haji Dani Haji Ibrahim.

Mempengerusikan sesi dialog yang diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Haji Ahmad Haji Abdul Rahman.

Historic NYC findings to get top attention

DEWI MOHD SOFRI
BANDAR SERI BEGAWAN

Friday, April 4, 2008

IN WHAT can be described as a rare and historic meeting between some of the country's leaders and youth representatives, the three-day National Youth Congress (NYC 2008) ended on a positive note with promising and brighter outlook of the future.

The NYC came up with parallel issues revolving on enhancing leadership qualities through more exposure and support.

"The needs that were debated will be studied deeply and thoroughly and we will draw up the relevant plans," said Minister of Culture, Youth and Sports, Pehin Orang Kaya Seri Dewa Major General (Rtd) Dato Seri Pahlawan Hj Mohammad Hj Daud at the closing which took place yesterday at the International Convention Centre in Berakas.

He was one of the six ministers and deputy ministers representing His Majesty's government during the NYC presentation and dialogue session. The others were Minister of Religious Affairs, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Hj Awg Mohd Zain Hj Serudin, Minister of Home Affairs, Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Hj Adanan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Hj Mohd Yusof and Deputy Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Hj Dani Hj Ibrahim as well as Dato Seri Paduka Hj Eusoff Agaki Hj Ismail and Dato Paduka Hj Hamdillah Hj Abdul Wahab, deputy ministers at the Prime Minister's Office and Ministry of Industry and Primary Resources.

They gave assurance that all the resolutions and actions plans presented by the five speakers representing the nation's youth will be accepted and considered by the government, a declaration witnessed by an audience of some 400 people comprising of the NYC participants, students from the Youth Development Centre as well as other invited guests from the public and private sectors.

The ceremony began with a briefing by Deputy Minister Hj Ahmad Hj Abd Rahman, as the deputy chairman of the congress before introducing and welcoming the speakers to present their group's resolutions.

Each of the ministers and deputy ministers were later invited to give their individual comments before beginning the dialogue session.

"There are a lot of ideas that were brought forward and good ones that must not be ignored. What is most important now is the action that comes after this," said Dato Paduka Hj Dani adding that the action plans should give them more encouragement to become more diligent in pursuing their goals.

Unfortunately, the time allocated for the dialogue was cut short and the youth representatives only managed to squeeze out two questions from the five of them which was voiced out by group leaders from "Youth and Training and Employment" and "NGOs, their Role in Youth and National Development", Hj Zupri Hj Kamis, from Livewire Brunei Network and Meela Adreeyana Hj Aliuddin from the Ministry of Health, respectively.

The three other speakers were Fahmi Abas from the Mosque Affairs Department, Ak Kamal Ghadafi Pg Hj Suhairni, a Commonwealth Youth Programme representative and **Iswandy Ahmad** from the Brunei Darussalam Aids Council.

All was not lost and the apparent disappointment was lifted when Hj Ahmad informed them that they would be able to continue the discussion in an informal setting during lunch with the ministers and deputy ministers.

The congress was organised by the Ministry of Culture, Youth and Sports through the Department of Youth and Sports. **The Brunei Times**



Full attention: The six ministers and deputy ministers representing His Majesty's government give their undivided attention to the points raised yesterday. (Bottom) **Iswandy Ahmad** from the Brunei Aids Council delivering his resolution. Pictures: Raul Padernal